PERSATUAN BOLA SEPAK NEGERI SARAWAK
(FOOTBALL ASSOCIATION OF SARAWAK)

Affiliated to the Football Association of Malaysia
Lot 9996, Tingkat 1, Bangunan Koperkasa,
Jalan Astana, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.
pbsarawak@fam.org.my

No. Rujukan:FAS/PD/26/03/137
Tarikh: 06 November 2026

Presiden
Kelab Sukan Rekreasi VF Global
B424-B432, Level 4, Tower B2,
Icom Square, Jalan Pending 93450,
Kuching, Sarawak

Tuan,

SURAT SOKONGAN BAGI PENGANJURAN KEJOHANAN FUTSAL BAWAH 12 TAHUN TFL PIALA PERDANA 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Bola Sepak Sarawak (FAS) menyatakan sokongan terhadap usaha Kelab Sukan Rekreasi VF Global dengan kerjasama The Futsal Legion Network (TFL) dalam menganjurkan Kejohanan Futsal Bawah 12 Tahun TFL Piala Perdana 2026 yang dijadualkan berlangsung pada 21 November 2026 bertempat di Stadium Tertutup Kota Samarahan, Sarawak.

3. Pihak FAS menyambut baik penganjuran kejohanan ini yang melibatkan penyertaan sebanyak 12 pasukan, terdiri daripada lapan (8) pasukan lelaki dan empat (4) pasukan perempuan dari sekitar Kuching dan Samarahan. Penganjuran ini turut membuka peluang kepada penyertaan pasukan bawah 12 tahun dari Australian Futsal Association, sekali gus memberi pendedahan dan pengalaman pertandingan di peringkat antarabangsa kepada pemain-pemain muda tempatan.

4. Pihak FAS berpandangan bahawa penganjuran kejohanan seumpama ini merupakan satu inisiatif positif dalam usaha memperkasakan pembangunan futsal akar umbi di negeri Sarawak. Selain menyediakan platform kepada pemain muda untuk mencungkil bakat, meningkatkan kemahiran serta membina semangat kesukanan, kejohanan ini juga berpotensi menyumbang kepada usaha melahirkan pemain futsal yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

5. Sehubungan itu, pihak FAS memberikan sokongan terhadap penganjuran kejohanan ini dan berharap agar segala aspek pengurusan, keselamatan, teknikal serta perjalanan pertandingan dapat dilaksanakan dengan teratur mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa serta badan sukan berkaitan.

6. Pihak FAS berharap agar penganjuran ini dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan, khususnya dalam memperluaskan pembangunan sukan futsal dalam kalangan generasi muda di negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



……
DATU HAJI ABDULLAH BIN JULAIHI
Setiausaha Agung